

Utusan Malaysia 3/11/2009

Perlu kemahiran tangani kepentingan awam - Hasmy

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Dalam era globalisasi kerajaan perlu meningkatkan kemahiran pintar dalam menangani isu kebimbangan dan kepentingan awam seperti kes influenza A (H1N1), kata Tan Sri Hasmy Agam.

Pengerusi Eksekutif Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) itu berkata, program mantap dan kaedah perhubungan awam akan membantu kerajaan, kementerian dan agensi berkenaan dalam menampilkan imej yang baik dan positif.

"Bahagian penting dalam program seperti itu perlu diasaskan sebagai program mendekati rakyat yang akan menjelaskan dasar dan aktiviti kerajaan," katanya dalam ceramah bertajuk "Kesan Globalisasi Terhadap Perhubungan Awam Kerajaan" pada siri ceramah Institut Perhubungan Awam di sini hari ini.

Duta Tugas-Tugas Khas Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) itu berkata, pegawai yang mengendalikan perhubungan awam perlu mahir dalam bidang menyebarkan maklumat kepada awam khususnya kepada media.

"Pelantikan jurucakap rasmi, yang berpengalaman dan terlatih dalam perhubungan awam dan berurusan dengan media adalah satu cara berkesan untuk menyahut cabaran," kata profesor adjung di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. - Bernama